



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD  
MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN *MOBILE APP PTPTN***

**29 MAC 2022 (SELASA)  
3.00 PETANG**

**MUTIARA GRAND BALLROOM  
HOTEL ROYALE CHULAN DAMANSARA**

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar;  
Ketua Setiausaha;  
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT);

YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid;  
Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN);

YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar;  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi;

YBrs. Ts. Zainab binti Ahmad;  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti;

YBhg. Dato' Norasni binti Ayob;  
Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN;

YBhg. Puan Hajah Rohani binti Datuk Hj. Mohd Shahir;  
Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN;

YBhg. Puan Afidah Azwa binti Abdul Aziz;  
Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN;

YBhg. Dato' Prof. Dr. Md Amin bin Md Taff;  
Naib Canselor;  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI);

YBhg. Prof. Dr. Arifin bin Abdu;  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni  
Universiti Putra Malaysia (UPM);

YBhg. Datuk Dr. Sabri bin Mohamad;  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM);

Pengurusan Tertinggi KPT & PTPTN;

Institusi perbankan tempatan;

Wakil - wakil kementerian dan agensi kerajaan;

Rakan – rakan strategik PTPTN;

Rakan-rakan media;

Para pelanggan PTPTN;

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan inayah-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Pelancaran Mobile App PTPTN** pada petang ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kerana menjemput saya pada hari ini.

2. Sesungguhnya, hari ini menyaksikan kejayaan PTPTN yang buat julung kalinya membangunkan *mobile app*. Sudah tentu pelancaran Mobile App PTPTN akan memberikan manfaat dan kemudahan kepada masyarakat Malaysia, khususnya pelanggan PTPTN.
3. Saya sangat berbangga dengan PTPTN atas lakaran sejarah yang sangat bermakna dalam memperkuuh agenda pendigitalan kerajaan dan memenuhi aspirasi pendigitalan pendidikan tinggi. Tahniah dan syabas kepada PTPTN atas penganjuran ini.

## **MEMPERKASA AGENDA PENDIGITALAN KERAJAAN**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Sejak negara dilanda pandemik pada tahun 2020, gelombang digital terus membadi masyarakat sejagat, mencapai skala yang tidak pernah tercapai sebelum ini, dan telah merubah sama sekali gaya hidup masyarakat di seluruh pelosok dunia. Mendakap perubahan ini, inisiatif MyDIGITAL telah dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun lalu sebagai suatu hala tuju untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacukan teknologi dan pendigitalan.
  
5. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021 – 2025 turut digubal bagi memandu hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan Sektor Awam untuk tempoh lima (5) tahun selaras dengan agenda Kerajaan Digital mapan dan pembentukan masyarakat digital.

6. Oleh itu, pendekatan PTPTN memperkenalkan *mobile app* adalah sangat tepat dengan aspirasi Kerajaan. Perkhidmatan dalam talian yang dikenali sebagai *end-to-end* atau ringkasnya E2E akan menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

## **INISIATIF PENDIGITALAN PTPTN**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Sejak ditubuhkan pada 1 Julai 1997, saya lihat PTPTN sentiasa komited memastikan pengurusan dana simpanan dan pinjaman dapat diuruskan secara efektif berlandaskan tadbir urus yang cemerlang, berintegriti dan strategik. Saya difahamkan bahawa usaha ini didukung kukuh oleh Pelan Strategik PTPTN yang kini telah memasuki tempoh lima tahun seterusnya, iaitu 2021 – 2025.

8. Salah satu strategi yang digariskan adalah dengan memfokuskan kepada usaha pendigitalan PTPTN seperti yang terkandung dalam Teras Ke-5 Pelan Strategik PTPTN. Melalui teras ini, organisasi diperkasakan ke arah yang lebih dinamik dan cemerlang berlandaskan pendigitalan. Matlamatnya adalah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan tidak terjejas dan sentiasa di tahap yang terbaik.
  
9. Selaras dengan itu, PTPTN sentiasa menambah baik perkhidmatan dalam talian dan menyediakan pelbagai saluran pembayaran dalam talian untuk menggalakkan bayaran tanpa tunai, lebih-lebih lagi bagi urusan bayaran balik pinjaman PTPTN dan penambahan deposit Simpan SSPN. Pada tahun 2021 sahaja, sebanyak tujuh (7) saluran bayaran dalam talian telah diperkenalkan dan ini memudahkan pelanggan membuat bayaran tanpa perlu ke kaunter PTPTN.

10. Justeru, dengan adanya *mobile app* PTPTN yang mengintegrasikan semua kemudahan dalam satu sistem, saya yakin akses pelanggan kepada PTPTN akan menjadi lebih mudah. Malah, *mobile app* ini akan membuka ruang dan peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan PTPTN **pada bila-bila dan di mana-mana sahaja tanpa sempadan dengan lebih mudah, cepat dan selamat.**
  
11. Tuntasnya, pelancaran *mobile app* ini merupakan manifestasi PTPTN dalam menjayakan agenda pendigitalan negara. Lebih bermakna, momen pada hari ini juga merupakan kemuncak dalam kita meraikan Sambutan Jubli Perak PTPTN pada tahun ini. Syabas saya ucapkan!

## **PELANCARAN MOBILE APP PTPTN**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. *Mobile App* PTPTN sememangnya sangat dinantikan oleh masyarakat Malaysia. Kemudahan ini bakal **memanfaatkan lebih 3.63 juta peminjam dan 5.28 juta pendeposit Simpan SSPN.** Pelbagai kelebihan ditawarkan.
  
13. Jika sebelum ini pelanggan perlu masuk di portal yang berbeza untuk mendapatkan perkhidmatan PTPTN. Kini, pelanggan dapat menikmati pelbagai kemudahan PTPTN berkaitan bayaran balik, simpanan dan pinjaman dalam satu aplikasi secara *Single Sign On (SSO)*. Inilah kecanggihan teknologi dalam *mobile app* PTPTN, yang dikenali sebagai **myPTPTN**.

14. Menariknya, saya telah dimaklumkan bahawa nama ini dicetuskan oleh pegawai PTPTN sendiri, iaitu **Encik Mohd Safarin bin Hamsin** melalui saluran Myldea PTPTN, yang merupakan platform bagi warga PTPTN melontarkan idea-idea baharu demi kemajuan PTPTN. **Tahniah Encik Mohd Safarin dan terima kasih saya ucapan.**
15. Untuk makluman, antara kemudahan yang disediakan dalam myPTPTN ialah **semakan penyata pinjaman; bayaran balik pinjaman; semakan penyata Simpan SSPN; pembukaan akaun dan penambahan deposit Simpan SSPN; serta permohonan potongan gaji dan Debit Terus bagi bayaran balik pinjaman dan Simpan SSPN.**
16. Dalam memastikan keselamatan pengguna, myPTPTN turut dilengkapi dengan teknologi keselamatan terkini. Setiap pengguna memerlukan pgesahan identiti secara elektronik sebelum membuat sebarang urus niaga termasuk dengan cara pengesahan e-mel dan nombor telefon semasa pendaftaran serta transaksi disahkan dengan menggunakan *Transaction Authorisation Code* (TAC). Oleh itu, para pengguna tidak perlu bimbang untuk menggunakan kemudahan dalam myPTPTN. Segala transaksi adalah mudah, selamat dan terjamin.

## **PENGHARAPAN**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Saya berharap pelancaran *mobile app* myPTPTN ini menjadi *turning point* kepada agensi-agensi kerajaan lain terutama di bawah KPT untuk sama-sama berganding bahu dalam menjayakan agenda pendigitalan negara.
18. Memandangkan agenda ini memerlukan komitmen yang tinggi, semua pihak disarankan untuk meneroka peluang kerjasama strategik dengan agensi swasta demi manfaat bersama. Marilah kita bekerjasama untuk memastikan sasaran inisiatif pendigitalan kerajaan, iaitu peningkatan kepada 80 peratus perkhidmatan dalam talian dalam sektor awam menjelang tahun 2025 dapat dicapai.

## PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Sebagai penutup bicara, sekali lagi saya ucapkan syabas kepada PTPTN kerana telah berjaya membangunkan *mobile app* myPTPTN. Diharapkan PTPTN terus memacu citra kecemerlangan dalam melaksanakan visi dan misi PTPTN demi kejayaan anak bangsa.
20. Dengan lafaz yang mulia, **Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan *Mobile App* myPTPTN.**

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

-----TAMAT-----

(1,078 patah perkataan tidak termasuk salutasi)